

**Muhyiddin Yakin UIAM Capai Status Universiti Penyelidikan Menjelang Tahun Depan
Bernama
17 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Selasa menyuarakan keyakinan bahawa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan mencapai status universiti penyelidikan menjelang tahun depan.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pendidikan, berkata ke arah menjadi sebuah universiti penyelidikan, UIAM mesti memenuhi dua kriteria penting seperti menjalankan lebih banyak penyelidikan dan berusaha mengumpul dana untuk menjalankan program penyelidikannya.

"UIAM telah mengemukakan permohonannya buat kali keempat, dan saya gembira menyatakan bahawa UIAM sebenarnya semakin hampir untuk memenuhi kriteria yang diperlukan," katanya pada sesi dialog bersama pelajar UIAM di kampus Gombak dekat sini Selasa.

Turut hadir presiden UIAM Tan Sri Dr Rais Yatim dan Rektor UIAM Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamaruddin.

Muhyiddin berkata UIAM perlu memikirkan cara untuk mengumpul dana untuk mereka menjalankan penyelidikan sebelum mendapat peruntukan RM100 juta daripada kerajaan selama tiga tahun sebaik sahaja memperoleh status universiti penyelidikan.

Ke arah menjadi sebuah universiti penyelidikan, pemohon mesti memenuhi kriteria lain seperti infrastruktur, menambah bilangan penyidik, persekitaran dan kewangan.

Setakat ini, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telahpun memperoleh status universiti penyelidikan.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut melancarkan projek wifi berkelajuan tinggi bagi kemudahan pelajar dan disediakan oleh Aruba Networks.

Pelancaran projek itu, yang menjadikan UIAM sebagai pelopor dalam penggunaan sistem teknologi tanpa wayar dalam kalangan universiti awam, membolehkan pelajar universiti itu di kampusnya di Kuantan, Jalan Duta dan Petaling Jaya untuk menikmati kemudahan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978355>